

23/03/1999

Pelaksanaan MSC semakin pantas

CYBERJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) menjadi semakin pantas semenjak kawalan tukaran mata wang diperkenalkan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pelabur dan syarikat mampu membuat perancangan lebih awal kerana kadar tukaran mata wang yang tetap dan tidak berubah-ubah.

"Permohonan untuk menyertai MSC juga tidak merosot. Malah, ia semakin pantas," katanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak serta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menetapkan sasaran bagi memastikan 50 syarikat bertaraf dunia ditempatkan di MSC menjelang tahun 2003.

"Sekarang ialah 1999 dan kita telahpun ada 29 syarikat," katanya.

MSC teletak di satu kawasan 750 kilometer persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan pusat bagi pembangunan produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan bahawa pusat teknologi maklumat di negara jiran lain seperti Hong Kong Cyperport dan Singapore One akan menjadi saingan kepada MSC.

"Tidak. Apa yang kita ada di sini adalah satu pelan yang sangat komprehensif membabitkan seluruh kawasan lengkap dengan satu set undang-undang siber, amalan baru, kemudahan baru yang direka bentuk untuk menyediakan semua perkembangan baru dalam era teknologi maklumat.

"Jadi, tiada negara lain boleh menumpukan seluruh (atau), pastinya Singapura, tidak boleh mempunyai kawasan 55 kilometer dengan 15 kilometer yang kita ada di sini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi NITC turut mengumumkan tindakan majlis itu menubuhkan lima kumpulan kerja bagi menumpukan perhatian kepada lima bidang utama.

Kumpulan kerja itu ialah "E-Community", "E-Public Services", "E-Learning", "E-Economy" dan "E-Security and Sovereignty".

Kumpulan kerja E-Community dipengerusikan oleh Moggie; E-Public Services (Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali), E-Learning (Najib); E-Economy (Rafidah) dan E-Security and Sovereignty oleh Pengerusi Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

E-Community berperanan menyediakan kemudahan kepada pihak yang berminat meningkatkan kualiti hidup dan berhubungan secara elektronik walaupun anggotanya berselerak di merata tempat.

E-Public Services menyediakan perkhidmatan awam kepada orang ramai dan sektor perniagaan secara lebih cekap menerusi kaedah elektronik.

E-Learning berperanan meningkatkan keupayaan pertubuhan dan individu bagi mendapat dan meluaskan pengetahuan, kemahiran dan nilai menerusi interaksi secara elektronik.

E-Economy memudah dan menggalakkan kegiatan perdagangan dan perniagaan secara elektronik yang menyokong pembangunan ekonomi bermaklumat; manakala

E-Security and Sovereignty mengukuhkan identiti dan kewibawaan negara dalam dunia multimedia tanpa sempadan.

(END)